



Minggu 1: Berkat Bagi Negara

Kesyukuran: Datanglah ke dalam hadirat Allah dengan perasaan syukur untuk tahun baru, 2016, serta kebaikan dan kesetiaan-Nya kepada kita bagi tahun sebelum ini.

Pemujaan: Ambil seketika untuk memuja Allah. Dialah adil dan saksama. Dia membela nasib mereka yang tidak berupaya dan yang lemah.

Pembacaan Alkitab: Mazmur 7:10, Mazmur 36:6

Pengakuan: Umat Kristian harus bertobat dan bersatu sekiranya mereka ingin berdoa untuk negara. Penobatan bukan hanya suatu perasaan sedih terhadap dosa-dosa kita. Penobatan adalah untuk mengakui dosa-dosa kita serta melihat dosa-dosa ini dari pandangan Allah, sehingga ia mengubah hati dan gaya hidup kita.

Marilah kita rendahkan hati dan minta Allah yang Adil untuk menghanguskan dosa-dosa kita.

Minta Allah menyabitkan kita dosa-dosa kita yang kian hari kian terkumpul dengan:

- (1) Nyatakan kepada kita bagaimana kita telah bersalah terhadap Allah dan orang-orang lain
- (2) Nyatakan kepada kita bagaimana negara kita telah bersalah terhadap negara-negara lain

- (3) Nyatakan kepada kita bagaimana gereja kita telah bersalah terhadap Allah dan orang-orang lain dalam komuniti dan negara

Berdoa untuk negara bagi menjauhi: sikap mementingkan sendiri, sikap menipu, keangkuhan, sikap mengacau, nafsu berahi, sikap inginkan kepuasan, kekurangan sikap persaudaraan, sikap kemabukan, sikap cemburu, sikap suka bersaing, kebencian, ketagihan dadah, penceraian, sikap bidaah, kelucahan, sikap fitnah, sikap tidak menghormati ibubapa, kejahatan, pengkhianatan, sikap berkelakuan biadab, perangai yang kejam, penyembahan berhala dan sebagainya.

Doa penobatan bagi Negara:

Bapa yang Kudus, bebaskan negara ini daripada segala ikatan kuasa-kuasa gelap yang telah membelenggu kami. Izinkahlah darah Tuhan membersihkan segala dosa negara ini serta dosa penghuninya. Tolong singkirkanlah sikap sombong dan nafsu jahat masyarakatnya. Tolonglah kami menjauhi diri daripada dadah, perjudian dan aktiviti-aktiviti samseng. Tolonglah kami menolak penipuan, rasuah, sikap mementingkan diri sendiri, sikap terlalu menurut hawa nafsu dan sikap menindas orang-orang lain. Izinkahlah kami mencari kasih, keadilan, kekudusan dan damai sejahtera supaya kami dapat hidup dalam keadaan yang harmoni. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.



Minggu 2: Pemimpin-Pemimpin Negara

Pemujaan: Allah adalah esa. Dia mengawal segala dalam negara kita. Kristus ialah Kuasa dan Hikmat Allah (1 Kor. 1:24)

Pembacaan Alkitab: Amsal 8:15, 1 Timotius 2:1-3

Butiran Doa:

- (1) Allah akan membangkit pemimpin-pemimpin yang takut Dia dalam kerajaan.
- (2) Umat Kristian akan memegang teguh kepada keadilan dalam hati mereka dan berani memberi kesaksian kepada keadilan dalam negara. Umat Kristian akan bangkit untuk berdoa bagi pemimpin-pemimpin negara.
- (3) Minta perlindungan Allah untuk pemimpin-pemimpin Kristian supaya mereka tetap taat kepada Allah dan menghormati Dia dalam tugas-tugas mereka. Berdoa supaya pemimpin-pemimpin politik dan pengawal-pengawal awam yang beragama Kristian mempunyai kebijaksanaan dan keberanian untuk membawa perubahan masyarakat yang memuliakan Allah dengan kedudukan masing-masing.
- (4) Allah berkerja dalam hati pemimpin-pemimpin negara supaya mereka akan menggalakkan kemajuan dan keamanan negara.
- (5) Allah akan mengusirkan pemimpin-pemimpin yang jahat daripada kedudukan mereka.
- (6) Pemimpin-pemimpin yang korup akan bertobat dari jalan-jalan keji mereka.

Doa Penutup:

Tuhan, izinkahlah umat Engkau menghormati nama-Mu supaya kehendak-Mu dilakukan tanpa halangan. Izinkahlah pemimpin-pemimpin kami takutkan Engkau kerana ketakutan Tuhan adalah pemulaan kebijaksanaan. Izinkahlah gereja-gereja Malaysia bangkit dan bersinar. Biarlah injil-Mu dikhabarkan ke seluruh negara supaya nama-Mu dimuliakan di Malaysia. Tuhan, sembuhlah tanahair ini supaya penghuni-penghuninya dan segala ciptaan-Mu akan memuji-Mu. Dalam nama Yesus, Amin.



Minggu 3: Penyembuhan Negara

Pemujaan: Allah ialah Yahweh-Shalom – Tuhan yang memberi rehat, Allah damai sejahtera. Kristus ialah pengharapan akan kemuliaan. Allah ialah Yahweh-Ropheka – Tuhan yang menyembuh anda.

Puji Allah kerana kebaikan-Nya dan bagi ciptaan-Nya.

Pembacaan Alkitab: Mazmur 35:27, Kolose 1:27, Keluaran 15:26

Butiran Doa:

Minta penyembuhan Allah bagi negara:

- (1) Bertobat daripada pengurusan alam sekitar yang lemah, dan penyalahgunaan kekayaan khazanah semulajadi Allah kurniakan. Bertobat kerana menjadi contoh yang buruk melalui keborosan, pembaziran dan pencemaran walaupun ramai yang mengalami kekurangan makanan, bekalan air yang bersih, sistem sanitasi yang baik dan sebagainya.
- (2) Belas kasihan Allah kepada mereka yang miskin yang kian bertambah, termasuk kemiskinan di Bandar, dan Gereja lebih sensitif untuk mengambil berat dan menghulur pertolongan.
- (3) Saling hormat menghormati sesama sendiri tanpa memandang latar belakang kaum, bangsa dan agama.

Berdoa untuk menghindari:

- (1) Ketidakadilan dan perbuatan-perbuatan yang berbahaya.
- (2) Penyalahgunaan dan eksploitasi kaum wanita dan kanak-kanak, termasuk pengguguran anak.
- (3) Penggunaan ilmu sihir dan penyembahan berhala.

Doa Berkat untuk Negara:

Allah Maha Kuasa, kami bersyukur kerana Engkau membentuk Malaysia sebagai sebuah negara. Kami meminta daripada Mu untuk mengizinkan anak-anak-Mu memiliki hati yang rindukan Mu dan menjadi rakyat yang baik dalam negara ini. Tuhan, lindungilah kami daripada penindasan dan pengelutan supaya wujudnya keharmonian antara kaum yang berlainan dan wujudnya kehidupan yang aman. Izinkahlah mereka yang berkuasa memiliki sikap yang rendah hati, belas kasihan dan keadilan supaya negara ini aman dan damai. Tuhan, teruslah berkati kami dengan kebebasan beragama dan kebebasan bersuara. Bangkitkalah gereja-gereja Mu supaya dapat menjadi penjaga negara. Dalam nama Yesus kami berdoa, Amin.



Minggu 4: Umat Kristian Menjadi Garam dan Terang Negara

Pemujaan: Yesus mati di atas kayu salib untuk dosa-dosa kami supaya kami dapat berdamai dengan Allah. Tuhan adalah terang dan keselamatan kami; kami tidak perlu takut.

Pembacaan Alkitab: Matius 5:13-16, Mazmur 82:3

Butiran Doa:

Berdoa agar umat Kristian dapat menjadi umat yang ikhlas, tulus dan jujur:

- (1) Kemurahan hati, kelemahlembutan dan belas kasihan akan menjadi tabiat orang-orang Kristian.
- (2) Umat Kristian akan membela nasib orang-orang yang lemah dan tidak berupaya untuk bersuara, bertindak secara bertanggungjawab terhadap kebajikan semua tanpa memandang jantina, kewarganegaraan, bangsa, agama, budaya, kedudukan social atau status ekonomi
- (3) Umat Kristian akan menyokong mereka yang menghadapi kekurangan, penindasan dan ketidakadilan.
- (4) Umat Kristian akan berazam, berani dan segera menunjukkan kasih dan peduli
- (5) Gereja akan dipulih untuk menjadi rumah-rumah doa kepada semua negara.

Doa Penutup:

Tuhan Yesus Kristus, tangan kasih-Mu telah ditegangkan di atas kayu salib supaya semua dapat termasuk dalam liputan penyelamatan-Mu; hurlurkanlah tangan-Mu kepada Gereja-Mu pada hari ini supaya ia dapat menunjuk kasih kepada mereka yang ditolak, mereka yang miskin dan mereka yang bersendirian dalam masyarakat. Amin.